



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (24 OGOS 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **lima (5) kes** positif COVID-19 dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) adalah dari Daerah Kuching dan dua (2) dari Daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **696** kes.

#### **A. Ringkasan Kes Baharu: Kes Jangkitan Tempatan**

**Kes 692:** Seorang lelaki warganegara Indonesia berumur 24 tahun yang bekerja sebagai pekerja binaan di Kuching. Kes pernah menjalani saringan swab rT-PCR pada 8 Jun dan 18 Jun 2020, keputusan ujian makmal bagi tarikh tersebut menunjukkan kes negatif COVID-19. Pada 23 Ogos 2020, kes telah menjalani saringan kendiri bagi di hospital swasta di Kuching tujuan memohon pekerjaan baharu. Keputusan ujian makmal pada hari yang sama mendapati kes positif COVID-19. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala.

**Kes 693:** Seorang lelaki warganegara Indonesia berumur 50 tahun yang juga bekerja sebagai pekerja binaan di Kuching. Kes pernah menjalani saringan swab rT-PCR pada 8 Jun dan 18 Jun 2020, keputusan ujian makmal bagi tarikh tersebut menunjukkan kes negatif COVID-19. Pada 23 Ogos 2020, kes bersama kes-692 telah menjalani saringan kendiri bagi di hospital swasta di Kuching tujuan memohon pekerjaan baharu. Keputusan ujian makmal pada hari yang sama mendapati kes positif COVID-19. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala.

**Kes 694:** Seorang wanita warga tempatan berumur 35 tahun yang bekerja sebagai pereka grafik di Kuching. Kes telah menjalani saringan swab rT-PCR untuk COVID-19 bagi tujuan saringan *antenatal* di sebuah hospital swasta di Kuching pada 23 Ogos 2020. Keputusan ujian makmal mendapati swab *nasopharyngeal* dan *oropharyngeal* kes adalah positif untuk COVID-19 pada hari yang sama. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala.

**Kes 695:** Seorang lelaki warga tempatan berumur 40 tahun. Kes bekerja sebagai *chargeman* di salah sebuah pelantar minyak di Bintulu. Kes tiba di Miri, Sarawak dari Selangor melalui Kuala Lumpur pada 18 Julai 2020 bagi menjalani latihan selama tiga (3) hari sebelum meneruskan perjalanan ke Bintulu pada 22 Julai 2020 untuk bekerja di pelantar mulai 23 Julai 2020. Kes kembali dari pelantar ke pelabuhan Bintulu pada 20 Ogos 2020 dan terus menjalani kuarantin di hotel di Bintulu, Sarawak. Pada 21 Ogos 2020, kes telah menjalani saringan swab rT-PCR di hospital swasta di Bintulu. Keputusan makmal pada 23 Ogos 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**Kes 696:** Seorang lelaki warganegara Indonesia, berumur 40 tahun, yang bekerja sebagai *insulator* di sebuah syarikat di kawasan perindustrian Samalaju. Kes telah menjalani saringan swab rT-PCR untuk COVID-19 sebelum berangkat pulang ke negara asal di sebuah hospital swasta di Bintulu pada 22 Ogos 2020. Keputusan ujian makmal mendapati kes adalah positif untuk COVID-19 pada 23 Ogos 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes juga telah menetap di Sarawak, Malaysia sejak 2015 dan tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat atau balik keluar negara. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Kesemua lima (5) kes yang dilaporkan hari ini merupakan kes jangkitan tempatan berdasarkan penemuan siasatan awal yang telah dijalankan. Siasatan lanjut dan pengesahan kontak rapat kepada kesemua kes ini masih giat dijalankan.

### **B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **enam (6)** dan melibatkan seramai **60 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- d) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes
- f) Kluster Alam, Bintulu: kekal tujuh (7) kes

Dimaklumkan juga **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini seramai kekal **662** orang atau **95.11%**.

Seramai **15** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital. Sembilan (9) kes sedang di rawat di Hospital Bintulu, empat (4) kes dirawat Hospital Umum Sarawak, seorang (1) di Hospital Sibu dan seorang di Hospital Miri.

Jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.73%. Hari ini sebanyak **lima (5) PUI** baru dilaporkan dan **lima (5) kes PUI** masih menunggu ujian makmal.

Hari ini, Daerah Bintulu telah bertukar daripada status hijau kepada status kuning setelah dua (2) kes tempatan baharu dilaporkan. Daerah Kuching masih kekal berstatus kuning dengan jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas adalah empat (4) kes selepas pertambahan tiga (3) kes tempatan baharu hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah berstatus kuning setakat hari ini adalah dua (2) buah daerah dan daerah berstatus hijau adalah berjumlah 38 buah daerah.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Perhimpunan Orang Ramai**

Bagi majlis sosial dan rasmi yang melibatkan perhimpunan orang ramai, dibenarkan 50 peratus (50%) mengikut saiz ruang dan penjarakan fizikal.

**Arahan ini berkuatkuasa pada 25 Ogos 2020.**

### **B. Fasiliti Kesihatan Bagi Saringan COVID-19 di Sarawak**

Adalah dimaklumkan bahawa **12 senarai Fasiliti Kesihatan Swasta** berikut telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan ujian COVID-19 di Sarawak:

- i. Borneo Medical Centre, Kuching Sarawak
- ii. Kuching Specialist Hospital, Kuching Sarawak
- iii. Normah Medical Specialist Centre, Kuching Sarawak
- iv. Timberland Medical Centre, Kuching Sarawak
- v. Klinik Kotaraya Samarahan, Kota Samarahan Sarawak
- vi. Rejang Medical Centre, Sibu Sarawak
- vii. PMG Medical Centre, Sibu Sarawak
- viii. Bintulu Medical Centre, Bintulu Sarawak
- ix. Columbia Asia Hospital, Bintulu Sarawak
- x. Borneo Medical Centre, Miri Sarawak
- xi. KPJ Miri Specialist Hospital, Miri Sarawak
- xii. Columbia Asia Hospital, Miri Sarawak

### **3. LAPORAN UJIAN SARINGAN**

#### **A. *COVID-19 ILI Sentinel Clinic (Started epid 16)***

Sehingga hari ini, sebanyak 22 buah fasiliti kesihatan yang dikenalpasti di seluruh Negeri Sarawak, telah mengambil sebanyak 1,954 sampel bagi ujian COVID-19 di kalangan kes Influenze-Like Illness (ILI), bermula April 2020 hingga August 2020. Daripada jumlah tersebut satu (1) sampel positif telah dikesan di Sibu (0.05%) pada bulan April 2020, manakala 1945 sampel adalah negatif dan 8 sampel masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **B. *Surveillance of Respiratory Symptoms (Started epid 30)***

Sebanyak lima (5) buah klinik kesihatan KKM di Bahagian Kuching yang dikenalpasti untuk menjalankan *Surveillance Respiratory Symptoms* bermula pada 20 Julai 2020. Sebanyak 361 sampel telah diambil untuk ujian COVID-19 (RT-PCR) dan 358 sampel adalah negatif COVID-19 manakala 3 sampel lagi masih menunggu keputusan makmal.

#### **C. *Surveillance on Construction Site***

Ujian saringan secara rawak telah dilakukan di 155 buah tapak pembinaan yang terletak di Bahagian Kota Samarahan (11 tapak), Serian (5 tapak), Sri Aman (4 tapak), Betong (7 tapak), Sarikei (6 tapak), Sibu (4 tapak), Kapit (4 tapak), Mukah (16 tapak), Bintulu (33 tapak), Miri (59 tapak) dan Limbang (6 tapak). Sebanyak 1,448 sampel bagi ujian COVID-19 (RT-PCR) telah diambil dan daripada jumlah sampel tersebut, 1037 sampel dari warganegara Malaysia dan 411 sampel dari Pendatang Asing Dengan Izin. Hasil saringan ini mendapati 1 sampel yang positif dari tapak

pembinaan di Bahagian Samarahan, 1,443 sampel adalah negatif dan 4 sampel lagi masih menunggu keputusan makmal.

#### **D. Random on Plantation**

Saringan secara rawak telah dijalankan di 86 buah ladang yang terletak di Lundu (7 ladang), Sri Aman (14 ladang), Mukah (9 ladang), Betong (10 ladang), Bintulu (9 ladang) dan Miri (37 ladang). Sebanyak 848 sampel telah diambil, dimana 404 sampel adalah dari warganegara Malaysia dan 444 sampel pula dari Pendatang Asing Dengan Izin. Daripada jumlah sampel tersebut, 715 sampel adalah negatif COVID-19, manakala 133 sampel lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **4. LAPORAN TINDAKAN YANG DIAMBIL KE ATAS EJEN KES KAPAL LNG JUPITER**

Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sarawak telah mengambil tindakan undang-undang di mahkamah dengan mendakwa tertuduh pada 18 Ogos 2020 di Mahkamah Sesyen Bintulu, Sarawak.

Tertuduh telah didakwa di bawah Seskyen 43 Akta Imigresen 1959/63 kerana telah membawa salah seorang anak kapal warganegara Indonesia memasuki Malaysia tanpa melalui pemeriksaan pegawai Imigresen di pintu masuk.

Tertuduh telah dijatuhi hukuman denda oleh mahkamah sebanyak **RM 4,000** dan **jika gagal membayar denda** tersebut akan di **penjara 5 bulan** dari tarikh pendakwaan. Tertuduh telah membayar denda tersebut pada 18 Ogos 2020 di mahkamah.

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) warganegara Indonesia yang terlibat sama telah diusir ke negara asal Indonesia dan disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Jabatan Imigresen Malaysia akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki negara secara tidak sah. Tindakan undang-undang tanpa kompromi akan dikenakan kepada mana-mana orang yang telah melanggar Akta Imigresen 1959/63.

## **5. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **24 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (16), Kota Samarahan (2), Sarikei (2), Betong (1), Mukah (1), Serian (1) dan Bau (1).

## **6. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,640 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (198), Restoran (329), Kilang (11), Bank (121), Pejabat Kerajaan (52), Penjaja (27), Pasar Tani/Awam (86), Tempat Ibadah (82), Tempat Riadah (56), Tapak Pembinaan (25) dan lain-lain (653).

Seramai **602 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (298), ATM (38), RELA (129), APM (101), PBT (33) dan lain-lain agensi (3).

## **7. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,582** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**24 OGOS 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu		691	Kes sedang dirawat di hospital	15	2.16%
Kes Baharu		5	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel		77,899	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan		696	Jumlah kes kematian	19	2.73%
IR per 100,000 penduduk		22.56	Kes telah sembah dan discaj	662	95.11%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	1	8,690		5	9,391
Menunggu keputusan	2	5			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		4	1	9	1	0	15
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembah dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	570	33	27	31	1	662
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	3	6,187	2	427	0	411	0	12	4	4	4
2	Bintulu	2	283	3	36	0	27	0	0	9	9	2
Jumlah		5	6470	5	463	0	438	0	12	13	13	6

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	303	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	244	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Samarahan	0	546	0	112	0	108	0	4	0	0	0
4	Bau	0	169	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
6	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	0	827	0	24	0	22	0	1	1	1	0
11	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
13	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Sarawak	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	32	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>2,921</b>	<b>0</b>	<b>233</b>	<b>0</b>	<b>224</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>0</b>

Jumlah Besar	5	9,391	5	696	0	662	0	19	15	15	6
--------------	---	-------	---	-----	---	-----	---	----	----	----	---

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **116 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **14 buah hotel** adalah seramai **819 orang**. Manakala seramai **22,245 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 24.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (362)	Hock Lee	45
2		Hilton	66
3		Harbour View	89
4		Riverside (Astana Wing)	162
5	Miri (305)	Mega	69
6		Eastwood Valley	72
7		Meritz	70
8		Dynasty	94
9	Bintulu (55)	Wasan Inn	14
10		Motel Kapok	14
11		Faber Inn	27
12	Limbang (24)	Purnama	9
13		Mandarin (Lawas)	15
14	Sibu (73)	Premier	73
<b>Jumlah PUS</b>			<b>819</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Sibu (2) dan Miri (2)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,528 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 24.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	482
2	Miri	282
3	Sibu	132
4	Bintulu	111
5	Samarahan	111
6	Sarikei	103
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	46
11	Sri Aman	44
12	Kapit	42
<b>Jumlah</b>		<b>1,528</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **26 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 24.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	10
5	MCC	2
6	MD Marudi	3
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>